



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMERIKSA BURUH KANAN (C.3 EB.4)
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEMERIKSA BURUH KANAN
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
C.3 EB.4 (\$1,990 - \$2,620 EB KHAS \$2,690 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Development Studies / Ekonomi dan Pengajian Pentadbiran / Human Resource Management / International Relations / Labour Laws with Administrative Law / Laws and Shariah Law / Pengurusan Perindustrian / Public Policy and Management / Undang-Undang atau bidang bersesuaian.*

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Buruh dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai kefahaman yang baik dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Peraturan dan Undang-Undang yang dikawal oleh Jabatan Buruh, Kanun Jenayah (*Penal Code*), Kanun Peraturan Jenayah (*C.P.C*) dan peraturan-peraturan lain yang ada kaitannya dengan tugas-tugas Jabatan Buruh adalah kelebihan.
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
4. Berkemahiran dalam menggunakan komputer dengan baik dan berupaya menangani perubahan teknologi dari semasa ke semasa adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Penolong Pesuruhjaya Buruh dalam menyelia dan melicinkan perjalanan bahagian di mana ianya ditempatkan atau di mana-mana cawangan Jabatan Buruh;
2. Menyelesaikan masalah dengan baik menggunakan pertimbangan yang sewajarnya berpandukan kepada peraturan dan undang-undang yang dikawal oleh Jabatan bagi perkara-perkara dasar dan perhubungan serta pengambilan pekerja asing, penguatkuasaan undang-undang dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan tugas di Jabatan Buruh;
3. Menilai, meneliti dan seterusnya menandatangani permohonan-permohonan yang diterima;
4. Menyediakan laporan, minit mesyuarat dan slaid jika diarahkan oleh pegawai-pegawai atasan;
5. Selaku pegawai fokal di bahagian di mana ditempatkan; dan
6. Menjalankan tugas-tugas tambahan yang diarahkan oleh Pegawai atasan seperti Pesuruhjaya Buruh, Timbalan Pesuruhjaya Buruh dan Penolong Pesuruhjaya Buruh.